

**GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN MENULIS ESEI
SEMPENA SAMBUTAN HARI INOVASI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA 2012**

GARIS PANDUAN

Dokumen ini merupakan Garis Panduan kepada semua warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan anggota di bawah Perkhidmatan Perakaunan, JANM untuk menyertai Pertandingan Menulis Esei bersempena Sambutan Hari Inovasi JANM Tahun 2012. Panduan ini menggariskan tatacara penyertaan, syarat-syarat dan proses penghakiman.

OBJEKTIF

Penganjuran pertandingan menulis esei ini bertujuan:

- i) Menggalak lebih ramai warga JANM menyumbang idea-idea yang baik dalam meningkatkan hasil kerja dan produktiviti berasaskan inovasi di JANM.
- ii) Membantu dalam pembentukan minda yang kreatif dan inovatif di kalangan pegawai JANM.
- iii) Mencungkil dan mengasah bakat di kalangan warga JANM yang meminati bidang penulisan.
- iv) Memberi pengiktirafan kepada individu yang berjaya menghasilkan esei yang berkualiti dan terbaik.

TAJUK ESEI

Tajuk esei adalah **Transformasi Minda - Menjayakan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Menjelang Tahun 2015** dalam mana-mana konteks berikut:-

- a. Kepimpinan;
- b. Perubahan Dalam Pengurusan (Change Management);
- c. *Decision Support System*;
- d. Tadbir Urus;
- e. Pembangunan Modal Insan;
- f. Pengukuhan Budaya Kerja Berkumpulan;
- g. Perkongsian Ilmu.

HADIAH

- Hadiah pemenang bagi kategori A, B dan C adalah seperti berikut:

Pertama	:	RM500.00 beserta sijil penyertaan
Kedua	:	RM300.00 beserta sijil penyertaan
Ketiga	:	RM200.00 beserta sijil penyertaan
- Sijil penyertaan akan diberikan kepada semua penyertaan.
- Pemenang akan diumumkan dan hadiah akan disampaikan pada Majlis Sambutan Hari Inovasi JANM 2012 yang akan diadakan dalam Bulan Oktober 2012.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- i. Penyertaan terbuka kepada semua warga JANM dan anggota di bawah Perkhidmatan Perakaunan JANM.
- ii. Peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan.
- iii. Penyertaan pertandingan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori:
 - a. Kategori A – Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - b. Kategori B – Kumpulan Sokongan A (Gred 27 – 40)
 - c. Kategori C – Kumpulan Sokongan B (Gred 1- 26)
- iv. Esei yang ditulis mestilah hasil penulisan sendiri, asli dan belum pernah disiarkan oleh mana-mana penerbitan.
- v. Penulisan esei dibuat dengan menggunakan bahasa Melayu.
- vi. Esei hendaklah ditaip di atas **kertas A4** dalam jarak **langkau 1.5**, menggunakan **font Arial bersaiz 12** dan **dicetak pada sebelah muka setiap helaian kertas**.
- vii. Panjang esei yang ditulis hendaklah tidak kurang 2,500 patah perkataan.
- viii. Sumber rujukan esei yang dihasilkan perlu dinyatakan atau disenaraikan dalam penulisan.
- ix. Esei yang dihantar tidak akan dikembalikan kepada penulis.
- x. Esei yang tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan.

- xi. Urusetia dan jabatan mempunyai hak untuk mencetak atau menerbitkan esei tersebut.

KRITERIA-KRITERIA PEMARKAHAN

- i. Kriteria-kriteria pemarkahan yang akan digunakan dalam penilaian esei tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Kriteria	Markah
1	Isi dan olahan	40%
2	Cadangan idea	30%
3	Gaya bahasa dan penulisan	25%
4	Ketepatan ejaan	5%
	JUMLAH	100%

- ii. Semua keputusan yang diterima daripada panel adalah muktamad.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Borang penyertaan dan esei hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **15 Ogos 2012**. Penyertaan yang lewat diterima akan ditolak penyertaannya.

PENYERAHAN PENYERTAAN

- i. Semua penyertaan hendaklah dihantar dalam lima (5) salinan bercetak beserta borang penyertaan rasmi yang lengkap seperti di **Lampiran A** ke alamat berikut:


**Jawatankuasa
Pertandingan Menulis Esei Inovasi 2012
d/a Bahagian Pengurusan Amanah dan Sekuriti
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Tingkat 42 Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur**

- ii. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh dipanjangkan kepada pegawai-pegawai berikut:-

Nombor Telefon : 03-20341850

**Nombor Fax: 03-20725707 /
03-20267430**

Bil.	Nama Pegawai	No. Sambungan	E-mel
1.	Azmayanti binti Mohd Assa'ad	161	azmayanti@anm.go.my
2.	Mohd Farid bin Mohd Khalid @ Ayob	143	farid@anm.gov.my
3.	Siti Rozana Binti Abdul Manap	138	siti.rozana@anm.gov.my



**PERTANDINGAN MENULIS ESEI INOVASI TAHUN 2012
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

BORANG PENYERTAAN


Sila tanda kategori anda:

- Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 Kumpulan Sokongan 1
 Kumpulan Sokongan 2

MAKLUMAT PERIBADI

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Jawatan/Gred : _____
Bahagian : _____
Alamat Pejabat : _____

Telefon Bimbit/Pejabat : _____
No. Faks : _____
E-mel : _____



**PERTANDINGAN MENULIS ESEI INOVASI TAHUN 2012
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

BORANG PENGESAHAN

MAKLUMAT ORGANISASI

Nama Peserta : _____

Tajuk Esei : _____

Bahagian : _____

Kementerian/
Jabatan/Agensi : _____

Alamat Pejabat : _____

Telefon Bimbit/
Pejabat : _____

No. Faks : _____

Pengesahan:

Saya mengesahkan bahawa penama di atas merupakan pegawai di Bahagian
Kementerian/Jabatan/Agensi ini.

Tandatangan Ketua

Nama : _____

Cap Rasmi : _____